



MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT
SKIM PERKHIDMATAN
PEMBANTU KHIDMAT AM

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	KEMAHIRAN
KIMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA
GRED JAWATAN/GAJI	:	H1
GAJI MINIMUM-MAKSIMUM	:	RM1,500.00 – RM4,680.00
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK INTERIM

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00)
 - ii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,500.00)
 - iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan setaraf yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,561.00); atau
 - iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan setaraf yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred H1:RM1,622.00); dan
 - v) Memenuhi syarat lantikan bagi keperluan khas (Jika melaksanakan tugas atau mana-mana gabungan tugas seperti di perenggan 1(d)).

2. SYARAT KELAYAKAN SPM

- i. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat kepujian dan empat (4) matapelajaran lain di peringkat Lulus dalam satu peperiksaan SPM; atau
- ii. Dua (2) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu di peringkat Kepujian dan empat (4) matapelajaran lain di peringkat Lulus yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan SPM dalam tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.
- iii. Kelayakan SVM
 - a. Mata pelajaran Bahasa Melayu (Kod 1104) di peringkat Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C); dan
 - b. Kelayakan SVM dalam bidang berkaitan mengikut syarat skim perkhidmatan.

iv. **PERMOHONAN :**

- (a) Pemohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan mestilah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Perintah Am 17 Bab A dibawah peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat, dan Penamatan Perkhidmatan) Tahun 2005 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
- (b) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh dimuat turun secara percuma di laman web Majlis Perbandaran Segamat iaitu : www.mpsegamat.gov.my. Sila sertakan sekeping gambar terbaru berukuran passport dan salinan yang telah disahkan semua dokumen seperti kad pengenalan, sijil kelahiran, sijil-sijil akademik dan lain-lain dokumen sokongan.
- (c) Pemohonan yang lewat, tidak lengkap, tidak diakui sah atau tidak mengikut syarat diatas akan ditolak;
- (d) Sebarang usaha untuk membuat semakan dokumen **SELEPAS** borang dihantar /penghantaran borang **SELEPAS** tarikh iklan ditutup **TIDAK AKAN DITERIMA**.
- (e) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga. Mereka yang tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya. Segala perbelanjaan kerana menghadiri ujian dan temuduga adalah ditanggung oleh calon-calon sendiri.
- (f) Sila tulis nama jawatan yang dipohon di penjurusan atas sebelah kiri sampul surat dan dihantar kepada :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEGAMAT,
JALAN ABDULLAH,
85100 SEGAMAT, JOHOR.
(u.p. : Jabatan Khidmat Pengurusan)**

SYARAT LANTIKAN BAGI KEPERLUAN KHAS (PEMANDUAN / PENGENDALIAN KREN / PENGENDALIAN DENDANG / TUGASAN MENYELAMAT)

- d)
 - i). Memiliki lesen memandu Kelas B2/B/DA/D/E2/E1/E/F/G/H/I yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan [kecuali Lesen Memandu Percubaan (P) dan berkebolehan memandu, mengendali dan menyelenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh tugas berkenaan; atau
 - ii) Bagi tugas pengendalian kren, Calon perlu memiliki Sijil Pendaftaran Orang Kompeten yang berkaitan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja; atau
 - iii) Bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia; atau
 - iv) Bagi tugas pengendalian dandang, calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Enjin Pembakaran Dalam) Gred 2 atau Perakuan Kebolehan Drebar Enjin (Dandang Stim/Enjin Stim) Gred 2 mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja serta berkebolehan mengendalikan loji pembakaran dalam 40-100 kuasa kuda atau loji stim/dandang yang luas permukaan perbakarannya di bawah 100 kaki persegi mana yang berkenaan; atau
 - v) Bagi tugas menyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas dan berkebolehan berenang.

PENETAPAN GAJI PERMULAAN

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred H1 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

TEMPOH PERCUBAAN BAGI LANTIKAN TETAP/KONTRAK INTERIM

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh Kontrak Interim selama 3 tahun atau sehingga kaedah baharu lantikan tetap berkuatkuasa yang mana terdahulu.

LATIHAN

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah dilantik tetap dan telah melepasi tempoh lantikan secara Kontrak Interim selama tiga (3) tahun:
 - (a) memenuhi tempoh percubaan;
 - (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan
 - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.


KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

TARAF JAWATAN : KONTRAK INTERIM

10. **TARIKH IKLAN/TUTUP PERMOHONAN : 7 JULAI 2025 HINGGA 24 JULAI 2025**

PERINGATAN : SEMUA SALINAN DOKUMEN DI ATAS HENDAKLAH DISAHKAN OLEH PEGAWAI KERAJAAN (KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL) ATAU PENGHULU MUKIM/KETUA KAMPUNG.


(HAJI MOHD HELMI BIN DATO' HAJI SHA'RI @ SHANGARI)
Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Segamat